

**Najib Minta Masyarakat Jayakan Kempen Derm darah  
Bernama  
Mei 19, 2014**

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengajak seluruh masyarakat untuk sama-sama menjayakan kempen derma darah yang dilaksanakan pelbagai pihak.

Najib berkata beliau difahamkan hanya 2.5 peratus rakyat Malaysia menjadi penderma darah tetap berbanding lima peratus di kebanyakan negara lain.

"Marilah kita bersama-sama tanpa mengira perbezaan kaum mahupun agama menyokong usaha kerajaan mahupun swasta dalam kempen-kempen menderma darah yang dilaksanakan," katanya.

Najib berkata demikian dalam catatan laman Facebook beliau yang turut memuatkan pautan berita Bernama bertajuk 'Hanya 2.5 peratus rakyat Malaysia jadi penderma darah tetap' yang disiarkan semalam.

Laporan yang memetik kenyataan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada satu majlis di sini itu menyebut walaupun ketika ini bekalan darah di Pusat Darah Negara berada pada tahap memuaskan, namun dalam tempoh mendatang keperluan itu dipercayai akan meningkat dan bertambah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039501>